

## **INSTRUMEN PELABURAN BAGI PENJANAAN DANA WAKAF INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT):SATU TINJAUAN**

**Roslina Hashim, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Nur Yuhanis Ismon**

**& Shahrina Romli**

Kolej Universiti Islam Melaka

### **ABSTRAK**

Wakaf pendidikan merupakan sesuatu dana dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan yang digunakan untuk pembangunan pendidikan. Wakaf pendidikan tinggi telah mula berkembang di Malaysia selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia yang ingin mengurangkan kebergantungan pendidikan dengan menggunakan dana kerajaan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merupakan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pertama di Malaysia yang menubuhkan tabung wakaf pendidikan melalui *IIUM Endowment Fund* pada tahun 1999. Perkembangan ini diikuti oleh beberapa buah IPT lain dari tahun ke tahun. Namun begitu, penjanaan dana wakaf melalui instrumen pelaburan masih belum berkembang. Terdapat pelbagai instrumen pelaburan yang boleh digunakan oleh IPT tetapi belum ada kajian khusus yang dilakukan untuk mengkaji instrumen tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji instrumen-instrumen pelaburan yang berpotensi untuk menjana dana wakaf IPT. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah jenis kajian deskriptif. Kaedah kajian menerusi kaedah perpustakaan dengan merujuk kepada artikel, jurnal, kertas persidangan, penyelidikan dan dokumen yang berkaitan yang dianalisis secara induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian mendapati terdapat empat instrumen pelaburan yang berpotensi untuk menjana dana wakaf IPT. Instrumen tersebut ialah sukuk musyarakah, wakaf korporat, sukuk ijarah dan wakaf amanah pelaburan hartanah Islam (i-REIT). Implikasi penting kajian ini mendapati pendekatan baru perlu dilaksanakan oleh IPT dalam penjanaan dana wakaf dengan mereka bentuk model pelaburan yang bersesuaian untuk pembangunan wakaf IPT.

**Kata kunci:** *Penjanaan dana wakaf, intrumen pelaburan, dana wakaf IPT, sukuk musyarakah, wakaf korporat*

## **AN OVERVIEW OF INVESTMENT INSTRUMENT FOR HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS (HEI) WAQF FUND RAISING**

### **ABSTRACT**

Educational waqf is a fund in the form of financial and non-financial used for the development of education. Educational waqf in Malaysia has started to grow in line with the Malaysian government intention, which wants to reduce the dependence of education using government funds. International Islamic University Malaysia (IIUM) was the first Higher Education Institution (HEI) in Malaysia, which established waqf education fund through the IIUM Endowment Fund in 1999. This development was followed by several other universities from year to year. However, raising waqf fund through investment instrument is still underdeveloped. There are various investment instruments that can be used by universities, but there is no specific study was conducted to evaluate the instrument. The objective of this study is to examine the investment instruments that have the potential to generate HEI waqf funds. Descriptive research have been used in this research which is through library method with reference to articles, journals, conference papers, research and documents relevant and analyzed by inductive, deductive and comparative. The study found that there are four potential investment instruments to generate waqf fund for HEI. The instruments are Musyarakah sukuk, corporate waqf, Ijara sukuk and Waqf Islamic real estate investment trusts (i-REIT). An important implication of this study found that a new approach should be implemented by institutions in raising waqf funds by designing an investment model that suit the development of Waqf Higher Education Institution.

**Keywords:** Waqf fund raising, Investment instruments, HEI waqf fund, Musyarakah sukuk, Corporate waqf

### **PENGENALAN**

Institusi pendidikan wakaf di Malaysia sudah lama diamalkan dengan penubuhan sekolah-sekolah pondok, kemudian terbinanya madrasah-madrasah seterusnya wujud sekolah-sekolah agama rakyat seperti Maktab Mahmud, Madrasah Masyhor Al-Islamiyyah dan lain-lain. Kini wakaf pendidikan tinggi telah mula berkembang di Malaysia selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia yang ingin mengurangkan kebergantungan pendidikan dengan menggunakan dana kerajaan. Terdapat beberapa buah institusi pendidikan tinggi yang telah mengorak langkah dengan menubuhkan unit wakaf mereka sendiri seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan lain-lain lagi.

Peningkatan kemajuan dan pembangunan negara masa kini secara tidak langsung dilihat telah menyebabkan kos pendidikan semasa turut mengalami peningkatan. Oleh yang demikian, peranan wakaf dalam pendidikan tinggi adalah amat penting dalam usaha untuk meningkatkan tahap pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Wakaf merupakan salah satu cara yang dapat membantu institusi pengajian tinggi dalam menjana pendapatan dan manfaat yang boleh digunakan bagi tujuan peningkatan dan kemajuan pendidikan Negara. (Siti Zakiah Ali,2014).

Wakaf berasal dari perkataan Arab waqf, iaitu nama terbitan (masdar) dari kata kerja wakafa yang membawa pelbagai pengertian, antaranya ialah berhenti (السكن), menegah (المنع) dan menahan (الجس). Dari segi istilah pula, perkataan wakaf ditakrifkan oleh para fuqaha yang berbagai, yang boleh dirumuskan sebagai “menahan harta yang bermanfaat, serta kekal fizikalnya, untuk diberikan pada jalan kebaikan”.

Kebanyakan institusi pendidikan yang ditubuhkan memperolehi dana wakaf melalui sumbangan wakaf tunai. Bentuk wakaf tunai ini sering dipraktikkan dan telah berjaya dilaksanakan di beberapa buah negara seperti Indonesia, Mesir, Kuwait dan Bangladesh. Wakaf tunai ini membolehkan orang ramai untuk melibatkan diri dan menyumbang ke arah peningkatan ekonomi dan ummah. Oleh yang demikian satu model wakaf yang lebih komprehensif perlu diwujudkan oleh IPT selain daripada pengumpulan dana wakaf tunai bagi membiayai pembinaan bangunan akademik, menambah baik infrastruktur dan fasiliti, membiayai kos operasi, memberikan biasiswa kepada pelajar dan sebagainya. IPT melalui unit wakaf yang ditubuhkan tidak lagi boleh lagi hanya tertumpu kepada wakaf tunai sahaja malah perlulah melaksanakan kaedah pembangunan wakaf yang lebih bersifat kontemporari seperti wakaf sukuk, saham wakaf, wakaf saham, wakaf korporat, wakaf amanah pelaburan hartaan Islam (i-REIT) dan sebagainya.

Oleh itu kertas kerja ini dibuat bagi mengenalpasti instrumen pelaburan yang berpotensi untuk digunakan bagi menjana dana wakaf institusi pendidikan tinggi sesuai dengan realiti serta senario semasa.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengkaji instrumen-instrumen pelaburan yang berpotensi untuk menjana dana wakaf IPT.

Kaedah kajian adalah menerusi kaedah perpustakaan. Kajian perpustakaan adalah berbentuk pengumpulan bagi mendapatkan maklumat daripada jurnal, dokumen-dokumen berautoriti, buku-buku rujukan, laporan penyelidikan, statistik data, laporan-laporan rasmi yang berkaitan serta penulisan-penulisan kontemporari berkaitan dengan wakaf bagi membantu penyelidikan kajian ini. Di samping itu, bagi membentuk landasan konsep dan teori bagi kajian ini, maka rujukan dibuat


terhadap bahan-bahan semasa yang terdapat dalam perpustakaan sama ada secara manual mahupun secara dalam talian dalam tajuk yang berkaitan.

## **PEMBANGUNAN WAKAF INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA**

Dalam era globasisasi ini, pendidikan menjadi salah satu elemen penting dalam pembangunan sesebuah negara. Namun demikian, masalah yang dihadapi oleh Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) khususnya di Malaysia ialah kekurangan dana untuk membangunkan fasiliti atau kemudahan untuk kegunaan pelajar-pelajar. IPTS di Malaysia sangat berkembang pesat disebabkan oleh permintaan yang sangat tinggi daripada orang ramai khususnya ibu bapa yang mahukan anak mereka meneruskan atau menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Kegagalan untuk mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) juga menjadi salah satu faktor pemilihan untuk memasuki IPTS. Kemasukan pelajar yang semakin meningkat saban tahun menyebabkan institusi tidak dapat menyediakan fasiliti dan kemudahan yang cukup untuk dinikmati oleh pelajar-pelajar. Instrumen wakaf kini menjadi salah satu mekanisme untuk pembangunan sesebuah IPTS dalam pembinaan fasiliti atau aset kekal.

Cabarannya yang dihadapi oleh IPTS kini menjadi satu halangan untuk menjadikan wakaf sebagai instrumen penting dalam pembangunan sesebuah institusi. Kajian oleh Nur Yuhanis et.al (2015) menyatakan kekangan dari aspek kewangan menjadi cabaran utama untuk membangunkan kemudahan atau infrastruktur sesebuah institusi dengan menggunakan dana wakaf sedia ada yang telah disumbangkan. Model-model wakaf IPT yang terdapat di Malaysia lebih kepada pembangunan oleh IPTA dan dana diperolehi daripada hubungan kerjasama dengan pelbagai agensi swasta. Persepsi dan reputasi IPTA menjadi satu faktor utama dalam pemilihan sesebuah agensi dalam menjalinkan hubungan kerjasama untuk membangunkaan sesebuah IPT dalam bentuk pembinaan aset kekal mahupun berupa biasiswa kepada pelajar-pelajar.

Melalui kajian yang dibuat oleh Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid (2014) dapat dilihat beberapa universiti awam telah berjaya mengumpulkan dana wakaf mereka. Melalui kajian tersebut didapati UIAM memiliki dana wakaf tertinggi iaitu sebanyak RM7 juta dalam bentuk projek bangunan kompleks komersial, manakala UPM pula memiliki dana wakaf sebanyak RM4.2 juta yang di simpan di dalam perbankan patuh syariah di bawah universiti, USIM mempunyai RM2.5 juta dalam bentuk pembiayaan pembinaan bangunan dan wakaf tunai yang dikumpulkan dalam akaun patuh syariah universiti dan akhirnya UKM memiliki dana wakaf tunai sebanyak RM300,000 sahaja.



Rajah 1: Jumlah wakaf IPT  
Sumber: Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid (2014)

Penubuhan institusi pendidikan tinggi terutamanya institusi pendidikan tinggi swasta berdasarkan wakaf masih lagi belum berkembang dengan meluas di negara ini. Bagi wakaf pendidikan tinggi, terdapat beberapa model yang digunakan di Malaysia iaitu :

- (i) Dana wakaf yang disumbangkan oleh badan korporat
  - a. Penubuhan Universiti Islam Malaysia (UIM) di Cyberjaya

Penubuhan Universiti Islam Malaysia diasaskan daripada Kolej Islam Malaysia yang berteraskan kepada dana dan harta wakaf sebagai menyambung tradisi yang diamalkan sejak ia diperkenalkan pada 1955. Universiti Islam Malaysia (UIM), universiti pertama di Malaysia dizahirkan dengan perkenan Majlis Raja-Raja Melayu. UIM telah menerima dana wakaf berjumlah RM5.18 juta daripada tujuh pihak yang terdiri daripada syarikat, pertubuhan dan individu. Permodalan Nasional Bhd (PNB) menyumbang RM5 juta, Shahpadu Corp Sdn Bhd menyumbang RM100,000, Datuk Dr Haron Din mewakili bekas pelajar Kolej Islam Malaya (KIM) menyumbang RM30,675, waris dan warga KIM Petaling Jaya menyumbang RM17,000, alumni Kolej Islam (Alkis) yang diwakili Datuk Sallehuddin Ishak menyumbang RM11,000, Persatuan Bekas Pelajar KIM dan bekas ketua pelajar Kolej Islam Klang tahun 1975.

(ii) Kumpulan dana wakaf daripada tabung khas

a. Pembinaan Kompleks Tan Sri Azman Hashim di UIAM

UIAM telah terkehadapan dengan melaksanakan beberapa projek dengan menggunakan dana wakaf seperti Kompleks Tan Sri Azman Hashim dan penginapan fasa 1 yang mana ia telah disiapkan dan terdapat juga beberapa projek lain yang sedang diusahakan. Pembinaan kompleks itu dibiayai oleh Yayasan Azman Hashim pada 2008 dan kini diurus oleh Dana Endowment UIAM (IEF). (Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda, 2014).

Projek wakaf, Kompleks Azman Hashim yang terletak dalam kampus UIAM Gombak telah berjaya memperuntukkan RM500,000 dalam bentuk biasiswa kepada pelajar UIAM yang terpilih. Peruntukan tersebut diperoleh menerusi pulangan sewaan dari kompleks terbabit yang dinamakan Dana Hartanah Endowment Kekal UIAM. Program ini merangkumi yuran pengajian, yuran asrama,buku dan elauan bulanan tambahan sebanyak RM600 setiap bulan. Malah, pakej biasiswa itu juga termasuk sebuah komputer bimbit bernilai RM2,500.

Berikutan kejayaan itu, AmBank akan bekerjasama dengan IPT yang lain untuk pemberian biasiswa dan antara yang terkini adalah dengan Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. AmBank akan membina sebuah kompleks sukan di USM yang akan memberi pulangan sewaan kepada pentadbiran universiti.

a. *Dana Wakaf Ilmu di UPM*

Wakaf Ilmu UPM adalah satu cara berinfaq dan berwakaf melalui wang tunai dengan menafkahkannya ke dalam Dana Wakaf Ilmu UPM sebagai pemegang amanah dan dengan niat mewakafkannya selama-lamanya kerana Allah S.W.T demi kepentingan dan kemajuan ilmu.

Dalam konteks universiti, dana wakaf ilmu UPM bermaksud inisiatif program penjanaan dana di UPM yang menggunakan kaedah wakaf melalui sumbangan individu, sumbangan korporat, koperasi dan badan bukan kerajaan, pulangan dari hartaanah wakaf, hasil projek sektor pertanian dan perladangan, hasil projek sektor perindustrian dan pulangan portfolio pasaran wang dan modal bertujuan untuk mewujudkan suatu infrastruktur jangka panjang yang lestari bagi memenuhi sebahagian keperluan dan pembiayaan aktiviti akademik melibatkan Warga UPM.

(iii) *Wakaf dengan cara pembiayaan*

a. *Cadangan pembentukan Universiti Hybrid oleh USIM*

Tatacara menguruskannya yang lebih dinamik iaitu untuk mewujudkan universiti hybrid yang dibiayai 70 peratus oleh Kerajaan dan 30 peratus secara wakaf. Idea mewujudkan universiti hybrid yang ingin dilaksanakan USIM itu

adalah gabungan konsep enterprise sosial, pematuhan Syariah dan pembiayaan wakaf. Antara

fokusnya adalah menyediakan peluang pembiayaan wakaf bagi perolehan peralatan perubatan untuk Hospital Pengajar USIM yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.Tiga konsep utama tersebut direalisasikan berdasarkan gabungan antara USIM sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan perkhidmatan kepada masyarakat setempat (Negeri Sembilan) dan Malaysia secara umumnya.

Sebagai permulaan, Klinik Pakar Kesihatan USIM akan dibina dengan bantuan dana sebanyak RM2 juta daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Klinik itu akan menyediakan khidmat dalam bidang kesihatan dan pergigian. Doktor-doktor pakar yang terlibat adalah daripada tenaga akademik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Fakulti Pergigian USIM.Selain itu, Klinik Hemodialisis USIM-MAINS dengan kos permulaan RM1.5 juga akan dibina dengan kos keseluruhannya ditaja MAINS.

Perlaksanaan projek itu akan dilakukan oleh Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan sebagai mutawalli sebelum diserahkan kepada USIM untuk tujuan operasi. Klinik itu berperanan memberikan perkhidmatan percuma kepada golongan asnaf yang terlibat dengan bantuan zakat. Malah jaringan kerjasama itu lebih bermakna lagi apabila USIM dilantik sebagai mutawalli oleh MAINS. Kerjasama itu mampu memberi kesan positif kepada pembangunan ekonomi masyarakat sekitar, negara dan ummah secara global.

## **PELABURAN DALAM ISLAM**

Islam menggalakkan umatnya menjalankan perniagaan yang membolehkan umatnya maju terutamanya dalam bidang ekonomi. Pelaburan adalah cara terbaik bagi umat Islam untuk mengembangkan hartanya kerana ia mengajar manusia untuk menabung dan menyimpan demi kelangsungan hidup di masa hadapan. Islam tidak menggalakkan umatnya membekukan harta tanpa dimanfaatkannya kerana ianya akan menyebabkan ekonomi tidak kukuh akibat tiada kemudahan kecairan dalam sesuatu pasaran.

Pelaburan merupakan proses menyimpan wang pada masa kini untuk memiliki lebih banyak wang pada masa hadapan samada dalam jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang. Dalam Islam, pelaburan hendaklah dilakukan dengan menggunakan kaedah atau cara yang bertepatan dengan Syariah samada dari segi pengurusan atau jenis pelaburan yang dilakukan. Ia hendaklah dikembangkan agar manfaatnya dapat dirasai oleh orang lain sebagaimana firman Allah dalam surah Yusuf ayat 47 dan 48 yang bermaksud:

*"Sebagaimana sunnah yang ditunjukkan oleh nabi Yusuf A.S menerusi firman Allah yang bermaksud: Berkata Yusuf: kamu bercucuk tanam tujuh tahun, sebagaimana biasa. Seberapa yang telah kamu potong hendaklah kamu simpan bersama tangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian datang sesudah itu tujuh tahun kemarau, sehingga menelan apa yang telah kamu simpan itu kecuali sedikit yang kamu simpan (untuk menjadi benih)."*

Merujuk kepada kamus dewan edisi keempat pelaburan ditakrifkan sebagai jumlah wang yang dilaburkan dalam sesuatu usaha niaga dan sebagainya. Ia seperti penanaman modal. Sesuatu yang dibeli dan sebagainya dengan harapan akan mendapat keuntungan berlipat kali ganda.

Dalam Islam pelaburan yang dijalankan bukan hanya untuk mengumpul kekayaan semata-mata malah ianya berkait rapat dengan perkara-perkara lain seperti:

i. Mengumpul harta

Tujuan sebenar pelaburan dilakukan oleh setiap individu adalah untuk mengumpul dan mengembangkan harta yang dimiliki dengan memastikan bahawa setiap pelaburan hendaklah mengikut kehendak syariat Islam. Pulangan yang diterima hasil daripada pelaburan yang dijalankan merupakan ganjaran kepada pelabur dan dalam masa yang sama mereka perlu menanggung risiko bergantung kepada jenis projek yang dilaburkan.

ii. Menghasilkan harta

Setiap kekayaan yang dimiliki hendaklah sentiasa dipastikan ianya mampu membantu pelabur menjana keuntungan di masa hadapan. Pelabur bertanggungjawab memastikan pelaburan mereka mampu menjana keuntungan yang berlipat kali ganda.

iii. Melindungi harta

Pelaburan juga bertujuan untuk melindungi harta kerana keadaan pasaran yang baik adalah sentiasa berlakunya pergerakan aset atau wang untuk memastikan keberlangsungan keadaan ekonomi sesuatu negara. Pelbagai cara boleh dilakukan untuk memastikan harta berada dalam keadaan yang baik antaranya dengan mengambil pelan Takaful. Keadaan ini bukan sahaja membantu melindungi individu malah dapat juga menyimpan wang untuk kegunaan masa hadapan.

iv. Mengagihkan harta

Pengagihan harta ini merujuk kepada memberikan hadiah atau wasiat kepada ahli keluarga terdekat jika berlakunya sesuatu perkara yang tidak

diingini kepada kita. Dengan melakukan pengagihan harta, waris mampu meneruskan kehidupan di masa hadapan jika empunya harta tiada kelak.

v. Menyucikan harta

Islam mengajar umatnya untuk sentiasa berkongsi harta yang dimiliki dengan individu yang lain dengan melakukan sedekah, zakat ataupun wakaf. Menyucikan harta adalah cara yang diajar oleh Islam untuk memastikan umatnya berkongsi sesuatu yang dimiliki dengan individu lain yang kurang berkemampuan. Dengan cara ini, kita akan mendapat pulangan yang besar di akhirat kelak.

Setiap pelaburan dalam Islam mesti menepati kehendak syara'. Antara ciri-ciri pelaburan dalam Islam ialah:

- i. Modal mesti disediakan oleh salah seorang atau kedua-dua orang dalam sebuah perkongsian
- ii. Aktiviti pelaburan mestilah halal dan dibenarkan syariah
- iii. Modal mesti dalam bentuk tunai dan sekiranya asset diterima sebagai modal perniagaan, maka ianya mestilah diberi nilai berdasarkan nilai semasa dan tertakhluk kepada nilai
- iv. Keuntungan tidak boleh ditetapkan dalam jumlah tertentu. Ianya mestilah dalam bentuk peratus atau bahagian
- v. Kerugian akan ditanggung oleh kedua-dua pihak yang berkongsi

Pelaburan dalam Islam boleh dikaitkan dengan dua jenis kontrak iaitu kontrak Mudarabah dan kontrak Musyarakah. Di dalam bahasa Arab, al-Mudarabah bermaksud musafir yang di ambil daripada perkataan *dharb fi al-ardh*. Konsep ini merujuk kepada perjanjian di antara satu pihak yang mengeluarkan modal (*sahib ul-mal*) dengan pengusaha (*mudharib*) di pihak lain yang membolehkan pengusaha menjalankan projek perniagaan atas dasar pembahagian keuntungan mengikut nisbah yang dipersetujui. Namun begitu, apabila berlaku kerugian, ia akan ditanggung sepenuhnya oleh pemodal. Tujuan sebenar mudarabah adalah mewujudkan kerjasama dalam bidang perniagaan antara masyarakat iaitu antara pemberi modal dan juga pengusaha iaitu orang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam sesuatu bidang. Selain itu, ianya bertujuan untuk mengelakkan pemberi modal membekukan modal atau harta tanpa sebarang pemanfaatan. Keuntungan akan dibahagikan mengikut nisbah peratusan yang dipersetujui di awal perjanjian.

Musyarakah dari segi bahasa bermaksud percampuran salah satu harta dengan harta yang lain sehingga tidak boleh dibezakan antara keduanya. Dari segi istilah menurut mazhab Hanafi iaitu: "Suatu kontrak antara dua pihak yang berkongsi dalam modal dan untung".

Terdapat juga hadis qudsi yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW meriwayatkan bahawa Allah SWT berfirman: "Aku adalah orang ketiga bersama-sama dengan rakan kongsi, selama masing-masing mereka tidak mengkhianati yang lain. Jika salah seorang mengkhianati yang lain, maka aku meninggalkan mereka berdua." (riwayat Abu Daud dan Hakim).

Pelaburan yang menggunakan kontrak Musyarakah merupakan dua individu atau lebih akan berkongsi samada modal, kepakaran atau pengalaman mengikut persetujuan yang dimeterai oleh kesemua pihak. Nisbah keuntungan dan kerugian akan ditanggung oleh semua pihak mengikut persetujuan di awal kontrak.

Penggunaan instrumen kewangan Islam moden yang dimajukan dalam Pasaran Modal Islam dilihat berupaya untuk membangunkan dan meningkatkan aset wakaf malah dapat memberi faedah bukan sahaja kepada benefisiari tetapi juga kepada masyarakat dan juga pengurus aset wakaf. Dalam konteks pembangunan dan penjanaan dana wakaf, alat kewangan seperti sukuk dan I-REITS sesuai digunakan bagi menjana modal sebagai sumber pembiayaan.

## **SOROTAN KAJIAN INSTRUMEN PELABURAN WAKAF**

Menurut Siti Mashitoh Mahamood (2007) dana wakaf bermaksud suatu kumpulan wang yang diwujudkan untuk tujuan wakaf bagi maksud kebajikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus menurut hukum Syarak.

Hammad (1993), Zarqa (1994) dan Kahf (1998) merupakan antara individu yang terawal membuat kajian bagi membincangkan konsep persekuritian aset wakaf. Ia meliputi cadangan pensekuritian aset secara ekuiti berlandaskan prinsip musharakah dan mudarabah serta pensekuritian aset secara hutang menerusi aplikasi bon muqaradah (mudarabah). Di samping itu, Sabit et.al (2005) juga telah mencadangkan beberapa model pembiayaan projek pembangunan harta wakaf dalam konteks Malaysia yang diadaptasi daripada cadangan lebih awal yang telah dibuat oleh Zarqa, Hammad dan Kahf termasuk aplikasi pensekuritian aset sebagai salah satu mekanisme pembangunan aset wakaf.

Islam sangat menggalakkan umatnya berinfak tetapi perlu ada kebijaksanaan di dalam memilih kaedah-kaedah yang dapat menjamin kestabilan jangka panjang di mana kaedah wakaf dilihat amat relevan dan bersesuaian. Kaedah pembangunan wakaf yang bersifat kontemporari seperti wakaf tunai, wakaf sukuk, saham wakaf, wakaf saham dan sebagainya dilihat sebagai instrumen yang berpotensi untuk menggalakkan pertumbuhan dan penjanaan dana wakaf IPT. Oleh yang demikian, bahagian ini akan membincangkan beberapa instrumen pelaburan yang bersesuaian untuk digunakan oleh IPT untuk menjana dana wakaf, iaitu:

### (i) Sukuk *musyarakah*

Sesebuah institusi wakaf yang kekurangan dana (*defisit unit*) boleh menjadikan pasaran modal Islam sebagai sumber utama untuk mendapatkan dana pembangunan terhadap aset wakaf. Dengan adanya instrumen sukuk, ianya boleh digunakan sebagai salah satu alternatif pembiayaan kepada institusi wakaf untuk melestarikan serta memartabatkan aset wakaf yang terbiar. (Hydzulkifli Hashim Omar et al., 2013)

Sukuk adalah kata nama dalam Bahasa Arab untuk sijil kewangan (*financial certificate*). Dengan kata lain ia merujuk kepada sijil bertulis yang menunjukkan pemilikan hak ke atas sesuatu projek atau pelaburan. Sukuk boleh digunakan untuk sijil-sijil yang membuktikan keberhutangan penerbit (*issuer*) sebagaimana ia juga boleh diguna untuk sijil-sijil yang membuktikan hakmilik pelabur ke atas aset pendasar seperti dalam sukuk ijarah, sukuk *musyarakah* dan sukuk mudharabah (Siti Mashitoh Mahamood,2007).

Penawaran sukuk *musyarakah* merupakan satu cara pembiayaan pelaburan yang boleh dilakukan untuk menjana dana wakaf. Melalui sukuk *musyarakah*, modal dikeluarkan oleh kedua-dua pihak iaitu penerbit dan pelabur. Penerbit menjual sebahagian daripada pegangan kepentingan pemilikan kepada pelabur. Ganjaran pelabur adalah bergantung kepada peratus pegangan kepentingan daripada pendapatan yang terhasil oleh pelaburan tersebut. Terdapat dua struktur Musyarakah yang dipraktikkan untuk menerbitkan sukuk. Struktur yang pertama adalah *Shirkat al-“Aqd* ataupun *musyarakah* pelan perniagaan. Struktur ini merupakan suatu aturan di mana penerbit dan pemegang amanah bersetuju untuk menggabungkan usaha dan sumber mereka samada dalam bentuk wang tunai atau aset lain bertujuan untuk mencapai suatu objektif umum. Struktur yang kedua adalah *Shirkat al-Melk* ataupun *musyarakah* pemilikan bersama (*co-ownership*). Ia boleh pula dipecahkan kepada dua kaedah. Kaedah yang pertama adalah, penerbit dan pemegang amanah menyumbang wang tunai kepada *musyarakah* untuk membeli sesuatu aset bersama-sama. Kaedah yang kedua pula adalah, penerbit menjual kepentingan hakmilik sesuatu aset kepada pemegang amanah yang kemudiannya akan menjadikan penerbit dan pemegang amanah sebagai pemilik bersama aset tersebut (Dzubaiddah Bt. Zainal Abidin et.al. 2013).

Hydzulkifli Hashim Omar et.al. (2013) dalam penulisannya telah membincangkan Pengalaman Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dalam usaha melestarikan aset wakaf. Pembangunan semula aset wakaf yang terletak di Bencoolen Singapura merupakan percubaan pertama yang dilakukan oleh MUIS dengan menggunakan sukuk *musyarakah* sebagai kaedah pembiayaan pembangunan. Terma perkongsian ini melibatkan tiga portfolio utama yang berbeza iaitu baitulmal (MUIS), Warees Pte. Ltd. (anak syarikat MUIS) dan juga sumbangan dari tabung dana wakaf (mutawalli MUIS). Baitulmal (MUIS) menerbitkan modal keseluruhan projek sebanyak SD 35 Juta dimana ia diperolehi

dengan menerbitkan sukuk *musyarakah* yang mempunyai tempoh matang selama 5 tahun. Pembahagian keuntungan untuk projek yang dilakukan di Bencoolen pula akan dibuat mengikut peratusan modal yang telah dilaburkan oleh pelabur.

Penggunaan kaedah pembiayaan pembangunan secara sukuk *musyarakah* telah mencapai kejayaan dengan berlakunya peningkatan nilai terhadap aset hartanah wakaf di Bencoolen, Singapura. Dengan kejayaan ini juga, MUIS telah menerima anugerah kewangan Islam Syeikh Mohammad Bin Rashid al-Makhtoum sebagai sebuah negara yang pertama di dunia memanfaatkan sukuk dalam membangunkan hartanah wakaf mereka.

Berdasarkan simulasi yang dijalankan oleh Nur Azura Sanusi (2012) yang mengumpulkan data sukuk pada siri masa diantara 2001–2008 mendapati bahawa wujudnya kestabilan pasaran sukuk dalam pasaran modal Islam di Malaysia.

IPT boleh membuat perkongsian dengan menawarkan sukuk *musyarakah* untuk membiayai sesuatu projek pembangunan yang ingin dilaksanakan dan hasil keuntungan tersebut disalurkan kepada tabung wakaf untuk tujuan manfaat kepada pelajar-pelajar.

## **(ii) Sukuk ijarah**

Melalui penerbitan sukuk ijarah, penerbit sukuk boleh menggunakan modal tunai dan aset sebagai aset yang dijadikan dana awalan untuk pembinaan dua aset wakaf iaitu aset perniagaan dan aset pendidikan ataupun pembinaan kampus.

Untuk pembinaan aset perniagaan dan aset pendidikan kontrak mudarabah digunakan manakala kontrak ijarah digunakan selepas pembinaan tamat iaitu untuk mendapatkan dana tambahan bagi operasi kedua-dua aset perniagaan dan pendidikan. Pelabur akan mendapat pulangan daripada hasil sewaan dan perkongsian modal. Penerbit pula akan membayar pulangan keuntungan daripada perniagaan yang dilakukan. Penerbit boleh membuat perjanjian dengan pelabur di mana sebahagian daripada pulangan kepada pelabur akan dimasukkan ke dalam portfolio wakaf. Dana dalam portfolio wakaf boleh digunakan bagi membeli saham dan produk produk kewangan yang dapat menjana keuntungan.

Apabila tempoh sukuk telah matang, penerbit akan membayar keseluruhan jumlah pulangan dan memberikan pilihan kepada pelabur samaada untuk mewakafkan semuanya atau sebahagian kecil dalam projek wakaf.

## **(iii) Wakaf korporat**

Wakaf korporat merujuk kepada suatu aspek pengurusan harta-harta wakaf yang berbentuk harta alih seperti wang tunai, saham syarikat dan dividen saham yang diurus tadbir secara penuh oleh entiti korporat ataupun secara kerjasama di antara syarikat korporat dan piyah berkuasa wakaf (Asharaf dan Abdullaah, 2013).

Terminologi wakaf korporat pertama kali digunakan oleh pihak Johor Corporation (JCorp) yang melancarkan wakaf korporat pada tahun 2006. Pelaksanaan wakaf korporat JCorp dilakukan dengan mewakafkan sejumlah RM200 juta (Nilai Aset Bersih) saham dalam anak syarikat yang tersenarai dan RM50.27 juta (Nilai Aset Bersih) saham dalam anak syarikat yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia. Jcorp telah mewakafkan saham dalam anak syarikatnya iaitu Kulim (M) Berhad, KPJ Healthcare Berhad dan Al-'Aqar KPJ REIT(Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil, 2013).

Di samping itu, Pakistan Hamdard Laboratories iaitu sebuah syarikat berkaitan farmaseutikal telah menubuhkan Hamdard Foundation yang bertujuan untuk menguruskan dan menyalurkan dana wakaf kepada penerima-penerima yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan orang miskin (Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil, 2013). Entiti korporat ini telah menubuhkan Yayasan Amanah mereka sendiri bagi mengurus dan mentadbir aset-aset wakaf mereka.

Di Malaysia, penglibatan entiti korporat di dalam hal ehwal urusan wakaf yang dikenali sebagai wakaf korporat adalah merupakan suatu usaha murni yang dapat meningkatkan kesedaran, memupuk minat dan perhatian masyarakat supaya menceburkan diri dalam aktiviti kebaikan khususnya aktiviti membangunkan harta wakaf (Mohd Ali Hashim, 1996 & Laporan Tahunan WANCorp 2013).

Pada September 2012 buat julung-julung kalinya sebuah syarikat kewangan Islam iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah bekerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) memperkenalkan skim wakaf tunai yang dikenali sebagai Wakaf Selangor Muamalat. Melalui kerjasama ini, BMMB dan PWS adalah merupakan pengurus bersama aset wakaf yang diperolehi melalui pembelian sijil wakaf tunai yang boleh dilakukan di mana-mana cawangan BMMB. Selain itu sumbangan wakaf boleh juga dilakukan melalui perbankan internet, potongan bulanan dan arahan bayaran berkala (Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil, 2013).

Di samping itu pada 29 Oktober 2014, Maybank Islamic Berhad telah mengumumkan usaha samanya dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan memperuntukkan dana wakaf sebanyak RM20 juta sebagai modal awal bagi projek wakaf korporat yang akan dilaburkan ke dalam portfolio pelaburan, termasuk instrumen berpendapatan tetap, ekuiti, dana seimbang dan sektor hartanah. Keuntungan hasil pelaburan dana wakaf tersebut akan dimanfaatkan untuk membayai program-program seperti pembangunan infrastruktur pendidikan, kesihatan dan membangunkan usahawan muda ( Khairil Faizal Khairi et.al., 2014).

Melalui pengamalan wakaf korporat yang telah dilaksanakan oleh beberapa institusi ini maka tidak mustahil untuk IPT melakukan kerjasama dengan entiti korporat yang ada di Negara ini bagi merealisasikan wakaf korporat ini. Sebagai contoh, IPT boleh melakukan kerjasama dengan institusi kewangan Islam di mana individu dan organisasi boleh membuat sumbangan dengan mendepositkan wang tunai sebagai aset wakaf di mana-mana kaunter bank yang bekerjasama tersebut. Pengurusan dana wakaf pula diuruskan oleh jawatankuasa yang dilantik. Kolaborasi ini boleh dijadikan sebagai pemangkin utama dalam usaha membangunkan dan mengembangkan wakaf korporat.

INSTRUMEN KEWANGAN BAGI WAKAF	PENGKAJI	TAHUN KAJIAN
<b>Sukuk Musyarakah</b>	i. Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Ab Rahman ii. Md. Nurdin Ngadimon	2013 2011
<b>Sukuk Ijarah</b>	i. Muhd Azizur Rahman Ramli	2012
<b>Wakaf Korporat</b>	i. Khairil Faizal Khairi, Nur Hidayah Zaili, Hisham Sabri & Mohd Yazis Ali Basah ii. Nurul Asyikin Mahmood & Muhammad Hakimi Mohd Shafai iii. Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil iv. Abd. Shakor Borham	2014 2013 2012 2011/2013
<b>Wakaf amanah pelaburan harta tanah Islam (I-REIT)</b>	i. Syahnaz Sulaiman	2012

Jadual 1:Kajian berkaitan instrumen kewangan wakaf.

#### (iv) Wakaf amanah pelaburan harta tanah Islam (I-REIT)

Amanah Pelaburan Hartanah Islam atau Islamic Real Estate Investment Trust (I-REIT) merupakan instrumen pelaburan secara kolektif (seperti dana amanah/unit trust) melalui pengumpulan dana daripada pelabur bagi tujuan pembelian, pengurusan dan penjualan harta tanah, seperti rumah kediaman, bangunan komersial, ladang, gudang tempat letak kereta (Suruhanjaya Sekuriti, 2009:36) atau aset kewangan lain yang berkaitan dengan harta tanah, seperti saham syarikat harta tanah dan sukuk yang diterbitkan oleh syarikat harta tanah (Suruhanjaya Sekuriti, 2007:13).

Menurut Newell dan Atasya Osmadi (2009) I-REIT telah dikenal pasti sebagai kumpulan aset kewangan yang mempunyai ketahanan (defensive) serta berisiko rendah terutama sekali ketika berhadapan dengan suasana pasaran yang tidak menentu. Ini disebabkan kerana ciri-ciri I-REIT yang terdiri daripada portfolio pelaburan yang pelbagai (diversified portfolio) merentasi pelbagai kumpulan aset, seperti sektor harta tanah dan saham syarikat harta tanah (Suruhanjaya Sekuriti, 2007:42). Di samping itu, I-REIT juga menawarkan pulangan atau dividen kepada pelabur bukan sahaja dalam bentuk hasil sewaan harta tanah malah turut termasuk hasil daripada kenaikan harga tanah (Suruhanjaya Sekuriti, 2007).

Struktur I-REIT dan wakaf melibatkan proses pensekuritian harta tanah (real estate securitisation/unitisation), iaitu menukar pemilikan harta tanah kepada unit yang kecil yang boleh dilanggan oleh orang ramai dan kemudian hasilnya diwakafkan untuk kepentingan benefisiari. Dana yang terkumpul juga dapat disalurkan bagi tujuan membeli aset wakaf yang baharu bagi mencapai objektif penjanaan modal secara konsisten dan memaksimumkan pulangan manfaat wakaf. Secara tidak langsung cara ini berupaya menggabungkan usahasama pelbagai pihak meliputi individu Muslim serta institusi korporat melanggan unit yang ditawarkan dan seterusnya mewakafkan keseluruhan atau sebahagian dividen berasaskan prinsip musyarakah. Di samping itu, mekanisme I-REIT juga dapat menjamin hasil pulangan yang berterusan kepada benefisiari wakaf menerusi hasil sewaan bangunan atau harta tanah REIT (*Syahnaz Sulaiman, 2012*).

Struktur wakaf I-REIT telahpun diaplikasikan di beberapa buah negara seperti Malaysia dan Singapura. Di Singapura struktur ini digunakan dalam projek pembangunan wakaf menerusi konsep “internal REIT”. Menurut Shamsiah Abdul Karim (2012) berdasarkan pengalaman MUIS, melalui struktur “internal REIT”, aset wakaf yang tidak berkualiti di Singapura telah melalui proses istibdal dan digantikan dengan bangunan komersial yang berkualiti terletak di kawasan strategik di Singapura. Melalui proses tersebut, para benefisiari bagi aset wakaf yang kurang berkualiti kini menjadi pemegang saham aset berkualiti tinggi di samping menerima pendapatan yang lebih lumayan dalam bentuk dividen hasil daripada struktur “internal REIT” berbanding dengan jumlah pendapatan yang diterima sebelum ini.

Di Malaysia pula, al-Aqar KPJ REIT merupakan I-REIT yang pertama yang telah dilancarkan di dunia oleh KPJ Heath Care Berhad iaitu sebuah anak syarikat milik Johor Corporation (JCorp). JCorp selaku pihak penerbit I-REIT, telah memanfaatkan modal yang diperoleh daripada pelabur yang melanggan unit I-REIT untuk membayai pembelian peralatan dan kelengkapan 20 rangkaian hospital yang diuruskan olehnya, di samping meningkatkan lagi pemilikan aset yang berkualiti (Md. Nurdin Ngadimon, 2011). Bagi merealisasikan tanggungjawab sosialnya (*corporate social responsibility*), JCorp, turut membayai perkhidmatan kesihatan berlandaskan konsep wakaf (*Laporan Tahunan Johor Corporation, 2010:56*).

Cadangan yang boleh dikemukakan kepada IPT ialah sekiranya terdapat tanah yang dimiliki oleh IPT maka ia boleh disekuritikan dengan membahagikan pemilikan tanah kepada unit yang kecil. Melalui kaedah ini, ia boleh dilanggani oleh orang ramai dan hasilnya diwakafkan. Pihak penerbit I-REIT, iaitu IPT dapat memanfaatkan modal yang diperoleh daripada pelabur yang melanggan unit I-REIT untuk tujuan membiayai pembelian peralatan dan kelengkapan pengajian serta membiayai pembinaan fasiliti dan bangunan akademik.

Jadual 2 menunjukkan ringkasan instrumen kewangan beserta institusi yang telah mempraktikkan penggunaan instrumen kewangan moden dalam usaha untuk membangunkan dan menjana dan wakaf.

Jadual 2: Ringkasan Instrumen Kewangan Beserta Institusi

INSTRUMEN KEWANGAN	INSTITUSI PELAKSANA
<b>Sukuk Musyarakah</b>	i. Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)
<b>Sukuk Ijarah</b>	
<b>Wakaf Korporat</b>	i. Johor Corporation (Jcorp) ii. Perbadanan Wakaf Selangor bekerjasama dengan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) iii. Maybank Islamic Berhad berusaha sama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) iv. Iskandar Malaysia
<b>Wakaf amanah pelaburan hartanah Islam (I-REIT)</b>	i. KPJ Health Care Berhad ii. Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim (PERKAYA) Terengganu iii. Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)

*Sumber: Hydzulkifli Hashim Omar et.al. (2013), Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil (2013), Khairil Faizal Khairi et.al.(2014), Shamsiah Abdul Karim (2012), Md. Nurdin Ngadimon (2011)*

## **KESIMPULAN**

Bersandarkan kepada prospek dana wakaf menerusi instrumen pelaburan, setiap IPT memerlukan kepakaran dalam pelbagai bidang untuk mengurus operasi dengan lebih berdaya saing. Hasil penelitian kertas ini mendapati penjanaan wakaf melalui pelaburan sekurang-kurangnya melibatkan tiga pihak terdiri daripada pentadbir IPT, penyumbang dana dan pengurus dana dalam melestarikan wakaf secara dinamik. Namun pendekatan baru pelaburan wakaf berasaskan kepada keperluan daruriyat (asas) perlu dinilai semula dengan merujuk objektif penubuhan IPT sebagai panduan utama. Ia bertujuan memaksimumkan hasil manfaat yang bakal diperolehi oleh penerima wakaf yang mampu melonjakkan pendidikan bertaraf dunia menerusi modal insan berkelas tinggi dan berakhlaq mulia. Terdapat empat instrumen pelaburan utama untuk merealisasikan matlamat tersebut yang terdiri dari sukuk musyarakah, wakaf korporat, sukuk ijarah dan wakaf amanah pelaburan harta tanah Islam (I-REIT). Kawalselia dan urus tadbir wakaf juga perlu dipertingkatkan seiring dengan impak terhadap keberhasilan meningkatkan kualiti pendidikan dan sumbangannya kepada kebaikan ummah. Bagi mengurangkan ketirisan dan ketidakpercayaan masyarakat dalam pelaburan wakaf IPT, nilai-nilai integriti dan profesionalisme pengurusan dana wakaf perlu dijadikan nilai bersama kepada pentadbir wakaf selaras dengan kehendak syarak.

## **BIODATA PENULIS**

**Roslina Hashim** memperoleh Ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Utara Malaysia. Kini berkhidmat sebagai pensyarah Akademi Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Melaka.

**Rahisam Ramli** memperoleh Ijazah Sarjana dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini berkhidmat sebagai Timbalan Dekan Akademi Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Melaka.

**Nur Farhana Dahalan** memperoleh Ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Utara Malaysia. Kini berkhidmat sebagai pensyarah Akademi Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Melaka

**Nur Yuhannis Ismon** memperoleh Ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Sains Islam Malaysia. Pernah berkhidmat di Kolej Universiti Islam Melaka dan kini melanjutkan pengajian di peringkat PhD di bawah tajaan UTHM.

**Shahrina Romli** memperoleh Ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini berkhidmat sebagai pensyarah Akademi Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Melaka.

## **RUJUKAN**

- Abd. Shakor Borham, (2011). *Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation Berhad (Jcorp): Satu Tinjauan*. Kertas Kerja Dibentangkan di International Conference on Humanities 2011.
- Abd. Shakor Borham, (2013). *Pelaksanaan waqaf korporat di Malaysia oleh Johor Corporation: Satu dapatan Awal*. Pembentangan kertas kajian di Seminar Penyelidikan Kewangan dan Kehartaan Islam pada 19 dan 20 Februari 2013 di Balai Ilmu, Akademi Pengajian Tinggi Islam, Universiti Malaya.
- Ahmad Zaki Hj. Abd. Latif, Abdul Halim Ramli, Che Zuina Ismail, Kamarulzaman Sulaiman & Norzaidi Mohd. Daud, (2008). *Wakaf: Pengurusan, Pembangunan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia*, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti UITM.
- Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil, (2013). *Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisa Wakaf Selangor Muamalat*. Universiti Sains Islam Malaysia
- Hisham Sabri, Khairil Faizal Khairi, Mohamad Yazis Ali Basah, (2008). *Paradigma Etika Pelaburan Menurut Perspektif Islam*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Ab Rahman, (2013). *Aplikasi Sukuk Dalam Usaha Melestarikan Aset Wakaf: Pengalaman Pemegang Amanah Wakaf Terpilih*, Jurnal Syariah, Jil 21, Bil.2 (2013) 89-116.
- Johor Corporation. (2006) *Waqaf Korporat Untuk Jihad Bisnes*, Johor Bahru: JCorp
- Md. Nurdin Ngadimon (2006). “*Pengembangan Harta Wakaf Menggunakan Instrumen Sukuk*”, kertas kerja Konvensyen Wakaf 2006 anjuran JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri di Kuala Lumpur, 12-14 September 2006.
- Md. Nurdin Ngadimon (2009). “*Memperkasa Peranan Baitulmal Menerusi Instrumen Pasaran Modal Islam*”. Prosiding Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009, Baitulmal: Masihkah Relevan, Putrajaya: JAWHAR, 24-25 Jun 2009.

- Md. Nurdin Ngadimon, (2011). "Transformasi Pengurusan Dana Baitulmal di Malaysia". Kertas Kerja Seminar Program Promosi Baitulmal 1432H/2011M di Kuala Lumpur, hlm. 1-11, 30 September hingga 2 Oktober 2011.
- Md. Nurdin Ngadimon, (2011). *Membangunkan Aset Wakaf Menggunakan Prinsip Musyarakah*. Jurnal Muamalat Bil.4 (2011). Pp. 31-56.
- Muhammad Ali Hashim. (2011). *Khalifah Ganti Superman*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions.
- Najibah Mustaffa & Mohd Zamro bin Muda. 2014. *Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur*, International Journal of Islamic and Civilizational Studies, Vol. 1 No.1 (2014) pp.45-57.
- Nur Yuhanis Ismon, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Shahrina Romli & Roslina Hashim. (2015). *Mekanisme Wakaf Sebagai Instrumen Pendidikan Tinggi Swasta. Kajian Kes Kolej Universiti Islam Melaka*. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Meja Bulat Wakaf Pendidikan Tinggi. Anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Shah Alam. 12 Februari 2015 di UiTM Shah Alam.
- Raja Nor Ashikin binti Raja Ramli & Dr Nor 'Adha binti Abg Hamid.(2014). *Kelestarian Wakaf dalam Membangunkan Institusi Pendidikan: Kajian Awal*, Proceeding of International Conference on Postgraduate Research (ICPR 2014), Kuala Lumpur, Malaysia.
- Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Hasnol Zam Zam Ahmad & Syarqawi Muhammad, (2007), "Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Harta Tanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI)", dalam Jurnal Pengurusan JAWHAR, Vol.1, No.2,2007
- Siti Mashitoh Mahamood, (2007). "Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-undang serta Aplikasinya di Malaysia". *Jurnal Syariah*. Vol. 15. p. 61-83.
- Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid, (2014). *Peranan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia*. Kertas Kerja Dibentangkan di PROSIDING PERKEM ke-9.
- Siti Zakiah Binti Ali & Hairunnizam Wahid, (Oktober 2014). *Peranan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia*, Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9).
- Syahnaz Sulaiman, (2012). *Isu Pembangunan Wakaf Menggunakan Struktur Amanah Pelaburan Hartanah Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.